

24/09/2001

Arab Saudi minat perkukuh kerjasama dengan Malaysia

Othman Mamat ij Jeddah

JEDDAH, Ahad - Riyadh berminat mengukuhkan kerjasama dengan Kuala Lumpur di samping menunjukkan kesediaannya untuk membuka lebih banyak peluang pelaburan kepada usahawan Malaysia.

Selain itu, Arab Saudi tertarik untuk mempelajari pengalaman Malaysia dalam membangunkan negara dan mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, kemahiran dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sehubungan itu, lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini, bermula esok, dijangka merintis banyak ruang kepada Malaysia untuk mengadakan kerjasama dalam bidang berkenaan dengan Arab Saudi.

Duta Malaysia ke Arab Saudi, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata menerusi Program Kerjasama Teknikal Nasional (NTCP), Arab Saudi berminat untuk mencontohi kejayaan Malaysia melatih tenaga mahir.

"Arab Saudi amat tertarik dengan tawaran Malaysia untuk membantu melatih tenaga pekerja mahir dalam pelbagai bidang," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Abdullah dijadualkan tiba awal pagi esok untuk lawatan kerja empat hari ke negara ini.

Pada hari pertama, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Putera Naif Abdul Aziz Al-Saud, diikuti pertemuan dengan Perdana Menteri Kedua merangkap Menteri Pertahanan dan Penerbangan serta Ketua Polis Negara, Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud.

Abdullah dijadualkan mengunjungi Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Fahd Abdul Aziz Al-Saud selepas menemui Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Komander Pengawal Kebangsaan, Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz Al-Saud, pada hari kedua lawatan.

"Abdullah akan mengadakan dialog dengan ahli perniagaan dan pelabur Arab Saudi pada Selasa ini," katanya sambil memberitahu, rombongan Timbalan Perdana Menteri turut disertai ahli perniagaan Malaysia.

Wan Mokhtar berkata, lawatan Abdullah ke sini adalah sebagai membalas lawatan Putera Sultan ke Malaysia baru-baru ini.

Katanya, kesedaran Arab Saudi terhadap kepentingan kerjasama dengan negara Islam termasuk Malaysia dalam pelbagai bidang, timbul berikutan usaha dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di samping itu, katanya, antara peluang perniagaan yang masih terbuka luas di negara ini untuk pelabur Malaysia ialah dalam bidang pelancongan, ICT dan pendidikan.

Katanya, pelancong Arab Saudi membelanjakan kira-kira SR4 bilion (RM4.12 bilion) setahun ketika melawat ke destinasi pelancongan di seluruh dunia, tetapi hanya sebahagian kecil mengunjungi Malaysia.

"Kita berharap lawatan Abdullah ke sini akan membuah hasil yang menguntungkan negara dalam pelbagai bidang selain mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua negara," katanya.

(END)